

Lengkapkan karangan dengan frasa yang diberikan.

harus tahu menggunakan	semakin mudah dan teratur
berperanan menjadikan masyarakat	masa yang singkat
fail dan kertas	suatu benda yang asing
mudah dan segera	internet melalui komputer
me simpannya dalam bentuk kertas	dilakukan di rumah
memudahkan kerja-kerja kita	Kerja melukis
mengandungi ilmu pengetahuan	merapatkan jurang
maklumat yang kita simpan	disimpan dengan selamat
mesti mempunyai ilmu sedikit-sebanyak	dunia di hujung jari
memudahkan kita mendapatkan maklumat	dihasilkan dengan baik
dibuat dengan cepat	pengusaha filem animasi

Tajuk: **Faedah Menggunakan Komputer**

Komputer bukanlah _____ lagi dalam kehidupan masyarakat hari ini. Komputer bolehlah dianggap sebagai suatu keperluan yang banyak membantu _____.

Komputer _____ yang berilmu dan berkebolehan. Kita _____ komputer. Sebagai contoh, banyak perisian komputer _____ yang dijual dalam

pasaran. Belajar menggunakan perisian komputer dapat _____.
Kerja-kerja kita menjadi _____.

Dengan komputer juga, maklumat dapat _____ dan
dalam bilangan yang banyak. Kita tidak perlu _____
dan fail di rak-rak lagi. Apabila kita memerlukannya, kita hanya perlu mencari dalam
_____ di dalam komputer peribadi atau komputer
keluarga. Masalah penggunaan _____ tidak timbul lagi.

Penggunaan _____ juga semakin luas digunakan di
Negara Brunei Darussalam. Internet _____
dan ilmu. Maklumat dapat diperolehi dalam jangka _____.
Sekarang sudah ada pepatah yang mengatakan _____ kita.
Namun demikian, pengguna harus bijak memilih perisian dan laman sesawang yang
sesuai.

Surat-surat juga dapat _____ kerana segala
kesilapan dapat dibetulkan serta-merta. Penghantarannya juga dapat dibuat
dengan _____. Penggunaan e-mel _____
perhubungan di seluruh dunia. Mesej atau surat dapat dihantar dalam masa yang
cepat dan murah. _____ juga menjadi lebih mudah dengan
adanya komputer. Arkitek dan _____ menghasilkan kerja
lebih cepat dan tepat dengan bantuan komputer.

Dengan demikian, pelajar-pelajar _____
tentang penggunaan komputer. Ini kerana hasil kerja sekolah dan kerja kursus di
pengajian-pengajian tinggi boleh _____, rapi dan
bersistem. Pendek kata, kertas kerja dan kerja-kerja pejabat dimudahkan lagi dengan
adanya komputer.